



KEMENTERIAN KEWANGAN

**LAPORAN LAKSANA KE-9
PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT
(PRIHATIN)**

Berikut adalah sorotan pencapaian langkah-langkah Pakej PRIHATIN antara 8 hingga 12 Jun 2020.

Matlamat 1 PRIHATIN: Lindungi Rakyat:

1. **Bantuan PRIHATIN Nasional (BPN):** Setelah data dikemaskini dari seluruh negara, LHDN telah menerima sebanyak 191,000 rayuan antara 11 dan 31 Mei 2020. Daripada jumlah ini, seramai **181,000 telah diluluskan**. Jumlah pembayaran BPN yang terlibat adalah **RM162 juta** yang akan di bayar sekaligus pada akhir bulan **Jun 2020**.
2. **i-Lestari KWSP:** Sehingga 12 Jun 2020, sebanyak **4.22 juta** permohonan telah diluluskan, iaitu peningkatan daripada 4.1 juta sebelum ini. Jumlah pembayaran yang terlibat adalah **RM1.98 bilion sebulan**.

i-Lestari	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Permohonan diluluskan* (juta)
12 Jun	1.98	4.22
5 Jun	1.94	4.1
31 Mei	1.90	4.0
17 Mei	1.83	3.9
10 Mei	1.76	3.7
3 Mei	1.66	3.5
26 April	1.57	3.3
19 April	0.70	1.5
12 April	0.57	1.17

**Jumlah Kumulatif*

Matlamat 2 PRIHATIN: Sokong Perniagaan:

3. Geran Khas Prihatin (GKP):

- a. Mulai 15 Jun 2020, GKP bernilai **RM1.46 bilion** akan dibayar kepada **488,587 pemohon** yang diluluskan pada 31 Mei 2020. Bagi **35,859 permohonan yang telah lulus** selepas disemak lanjut pada 5 Jun 2020, pembayaran akan dibuat mulai 29 Jun 2020 bernilai **RM107.57 juta**. Setiap permohonan lulus akan menerima geran bernilai RM3,000.
- b. Tempoh rayuan bagi pemohon yang tidak berjaya telah ditutup pada 15 Jun 2020. LHDP sedang meneliti setiap rayuan dan keputusan akan dimaklumkan serta bayaran dibuat pada hujung bulan Jun.

Geran Khas Prihatin	
Jumlah Permohonan	642,976
Jumlah lulus (31 Mei)	488,587 (bayaran dibuat mulai 15 Jun)
Jumlah Permohonan tidak lulus	72,859 (rayuan 3-15 Jun)
Permohonan yang disemak lanjut	81,260
Jumlah lulus selepas semakan lanjut (5 Jun)	35,859 (bayaran dibuat mulai 29 Jun)
Jumlah keseluruhan lulus (sehingga 12 Jun 2020)	488,587 + 35,859 = 524,446

4. Program Subsidi Upah dan Subsidi Upah Ditambahbaik:

- a. Sehingga 12 Jun, sebanyak **RM4.08 bilion** (iaitu peningkatan RM80 juta daripada minggu sebelumnya) telah diluluskan bagi **295,265 majikan** yang memanfaatkan lebih **2.31 juta pekerja**.

Subsidi Upah Peruntukan: RM13.8 bilion	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Majikan*	Jumlah Pekerja* (juta)
12 Jun	4.08	295,265	2.31
5 Jun	4.00	293,033	2.30
31 Mei	3.22	286,338	2.20
17 Mei	2.24	267,752	2.00
10 Mei	2.10	258,165	1.90
3 Mei	1.90	235,000	1.70
26 April	1.35	195,000	1.50
19 April	1.20	159,000	1.00

*Jumlah kumulatif

- b. Tambahan pula, susulan pengumuman YB Menteri Kewangan minggu lalu mengenai penyelarasan program Subsidi Upah di bawah PENJANA, sukacita dimaklumkan bahawa **majikan boleh mula membuat permohonan untuk program Subsidi Upah yang telah ditambahbaik mulai 15 Jun.**
5. **Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan:** Sejak berkuatkuasa pada 1 April 2020 yang lalu, sehingga 12 Jun 2020, nilai moratorium tersebut dianggarkan berjumlah **RM40 bilion.**
6. Program **Bantuan Majikan Covid-19 (e-CAP) KWSP:** Sehingga 12 Jun 2020, sebanyak **31,400 permohonan telah diterima** dan sebanyak **7,194 diluluskan** bernilai **RM47.9 juta** bagi caruman KWSP majikan. Ini adalah peningkatan daripada RM42.9 juta minggu lalu.

Bantuan majikan Covid-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
12 Jun	31,400	7,194	47.9
5 Jun	29,601	6,457	42.9
31 Mei	26,509	5,245	34.8
17 Mei	20,771	3,168	20.6
10 Mei	13,690	2,032	13.4

*Jumlah kumulatif

7. Mengenai **Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds)** yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia, sehingga 12 Jun 2020, permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujuterima oleh PKS adalah **RM7.8 bilion**, dan ini akan memanfaatkan **18,449 PKS**. Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility* dan *Agrofood Facility*.

Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujuterima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
12 Jun	7.8	18,449
5 Jun	7.5	18,227
31 Mei	6.9	16,833
17 Mei	5.8	14,075
10 Mei	4.7	11,975
3 Mei	3.0	6,840
26 April	1.5	3,636

*Jumlah kumulatif

8. Di bawah **Skim Kredit Mikro BSN** dan **TEKUN Nasional**, sehingga 12 Jun 2020:

- a. Di bawah Skim Kredit Mikro BSN, sebanyak **6,074** permohonan daripada peniaga mikro telah diluluskan, bernilai **RM216.7 juta**.
- b. Bagi program TEKUN pula, jumlah permohonan yang diluluskan ialah **21,674**, bernilai **RM166.14 juta**.

Skim Kredit Mikro Peruntukan: RM700 juta dengan kadar 0%	Kredit Mikro BSN		Tekun	
	<i>Jumlah* PKS yang lulus</i>	<i>Nilai* (RM juta)</i>	<i>Jumlah* PKS yang lulus</i>	<i>Nilai* (RM juta)</i>
12 Jun	6,074	216.7	21,674	166.14
5 Jun	5,222	191	19,382	151
31 Mei	4,587	175	15,949	128
17 Mei	3,537	145	12,104	101
10 Mei	2,626	114	8,562	72
3 Mei	2,026	90	4,981	42
26 April	1,703	76	1,769	15

**Jumlah Kumulatif*

9. Unit LAKSANA di bawah Kementerian Kewangan akan terus memantau pelaksanaan Pakej PRIHATIN. Pelaporan bagi inisiatif-inisiatif di bawah PENJANA pula akan dibuat setelah ia dimulakan secara berperingkat.

Disediakan oleh:

**Unit Pelaksanaan & Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional
(LAKSANA)**

Kementerian Kewangan

16 Jun 2020